

**PELAN
ANTIRASUAH ORGANISASI**
ORGANISATION ANTI-CORRUPTION PLAN



PERUTUSAN PENERUSI

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keiziniannya, SME Bank telah berjaya membangunkan SME Bank Anti-Corruption Plan (SME Bank OACP). Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ini merupakan bukti kepada kesungguhan kita memastikan SME Bank sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi buruk kepada kita.

Pembangunan pelan ini adalah bertitik tolak daripada pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019 yang mana ianya memperlihatkan ketegasan dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

SME Bank telah menyahut seruan dan hasrat kerajaan tersebut dengan membangunkan SME Bank OACP yang menjadi rujukan strategik dan komprehensif termasuk anak syarikat kita dalam aspek pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di SME Bank. Saya yakin, pelan ini apabila diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan akan memberi impak positif kepada penyampaian perkhidmatan SME Bank terutamanya dalam menyokong inisiatif ekonomi dan pembangunan negara secara amnya dan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030) khususnya.

Pelan yang telah dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko-risiko kelemahan dan ketirisan dalam aspek governans, integriti dan rasuah di SME Bank. Semua pihak adalah bertanggungjawab untuk memastikan inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Saya percaya semua warga Kumpulan SME Bank dan anak syarikat akan memberi kerjasama dan sokongan

penuh bagi pelaksanaan SME Bank OACP yang pastinya akan memberi impak positif kepada SME Bank di dalam usaha menjadikan organisasi ini dan sebuah agensi yang berintegriti dan bebas rasuah.

Ucapan tahniah dan penghargaan saya berikan kepada kepada semua pihak termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Pengurusan SME Bank dan anak syarikat atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam membangunkan pelan ini. Besar harapan saya agar SME Bank OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif oleh semua warga kerja daripada pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawahan supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan ini dengan baik bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Nazir Ariff
Pengerusi



PERNYATAAN KOMITMEN

SME Bank OACP adalah komitmen dan iltizam SME Bank memerangi rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan OACP 2020-2024 ini telah dibangunkan berdasarkan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Dalam Sektor Awam. Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam SME Bank OACP ini terhasil daripada perbincangan dan sesi sumbangsaran semasa Bengkel Pembangunan dan Pemurnian Kerangka OACP.

Pengurusan tertinggi SME Bank amat peka dan konsisten dalam mendukung aspirasi agar Malaysia dikenali sebagai negara yang berintegriti. Pelan ini diyakini dapat menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga SME Bank.

Kami warga SME Bank beriltizam serta komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam SME Bank OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.

Aria Putera Ismail
**Presiden Kumpulan/
 Ketua Pegawai Eksekutif**

RINGKASAN EKSEKUTIF

NACP 2019-2023 telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2018 berkaitan “Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional”, setiap jabatan, agensi dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di peringkat organisasi masing-masing dalam tempoh lima tahun berkuatkuasa dari tarikh NACP dilancarkan.

SME Bank OACP merupakan dokumen yang dihasilkan dengan menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah seiring dengan kehendak NACP iaitu di bawah inisiatif 2.1.5 yang telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam. Justeru, SME Bank OACP menjadi dokumen utama dan panduan kepada SME Bank mengenai tindakan dan langkah yang menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam SME Bank.

SME Bank OACP ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah di SME Bank selaras dengan visi SME Bank OACP iaitu ‘Menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah, berintegriti dan mengamalkan governans yang tinggi’.



SINGKATAN

- BNM** - Bank Negara Malaysia
- CRA** - Corruption Risk Assessment
- CRLO** - Compliance & Risk Liaison Officer
- DFI** - Institusi Kewangan Pembangunan
- GHCD** - Group Human Capital Division
- GTP** - Program Transformasi Kerajaan
- IGD** - Jabatan Integriti dan Governans
- IMDC** - Incident Management Data Collection
- MEDAC** - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- MOF** - Kementerian Kewangan
- NACP** - Pelan Antirasuah Nasional
- NKEA** - Bidang Ekonomi Utama Negara
- OACP** - Pelan Antirasuah Organisasi
- PIN** - Pelan Integriti Nasional
- PKS** - Perusahaan Kecil dan Sederhana
- SPRM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	LATAR BELAKANG SME BANK	7
1.2	OBJEKTIF	7
1.3	VISI	8
1.4	MISI	8
1.5	NILAI TERAS ORGANISASI	8
1.6	DASAR INTEGRITI DAN GOVERNANS NASIONAL	11
1.7	INISIATIF-INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DAN GOVERNANS YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN SME BANK	11
1.8	ISU DAN CABARAN	12
1.9	SENARIO RASUAH	13
1.10	KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP SME BANK	14
1.11	ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO	14
1.12	PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH SME BANK	15
2.0	PENILAIAN RISIKO RASUAH	17
3.0	KUPASAN DATA	19
3.1	DAPATAN YANG DIKUMPUL	19
3.2	ANALISIS DATA	19
3.3	RUMUSAN DAN BIDANG KEUTAMAAN	22
4.0	KERANGKA OACP	23
4.1	HALA TUJU OACP	24
4.2	VISI OACP	25
4.3	MISI OACP	25
4.4	SASARAN / MATLAMAT OACP	25
4.5	BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI	26
5.0	PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN	29
6.0	KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	37
6.1	JAWATANKUASA PENERAJU / "Task Force"	37
6.2	JAWATANKUASA "Program Steering Committee" (PSC)	37
6.3	JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT / "Board Audit Committee" (BAC)	38
6.4	PENILAIAN DAN PEMBAHARUAN OACP	38
7.0	PENUTUP	38

semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah di SME Bank selaras dengan visi SME Bank OACP iaitu 'Menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah, berintegriti dan mengamalkan governans yang tinggi'.



Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad 49572-H
 Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2615 2020 **Faks:** 03-2698 1748
www.smebank.com.my

smebank | sme_bank | smebank_malaysia | smebankmalaysia

Agensi di bawah seliaan



6.3 JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT / “Board Audit Committee” (BAC)

Hasil daripada pemantauan dan penilaian oleh Jawatankuasa Peneraju dan Jawatankuasa PSC akan dilaporkan kepada BAC setiap suku tahun. BAC berperanan untuk menasihati dan memberi arahan untuk memastikan keberkesanaan SME Bank OACP.

6.4 PENILAIAN DAN PEMBAHARUAN OACP

Jawatankuasa PSC bertanggungjawab untuk membuat penilaian semula objektif dan pelaksanaan pelan dari segi keberkesanaannya. Jika perlu, pelan tindakan yang sedang dilaksanakan boleh diubahsuai mengikut keadaan semasa. Tindakan pembaharuan SME Bank OACP hanya boleh dilaksanakan setelah tamat semua pelan-pelan tindakan diatas.

7.0 PENUTUP

Kerajaan dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu NACP bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan governans negara ini.

Bagi memperlihatkan komitmen SME Bank dalam menyokong usaha kerajaan ini, SME Bank telah membangunkan SME Bank OACP yang menggariskan 22 inisiatif sebagai mekanisme untuk memantapkan pengurusan governans, integriti dan antirasuah di SME Bank.

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif SME Bank OACP dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan dikaji serta dikemaskini mengikut perubahan semasa.

SME Bank OACP ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada

1.0 PENDAHULUAN

Bagi mencapai status negara maju dan inklusif, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Antaranya adalah pelaksanaan agenda integriti nasional yang merupakan gagasan penting ke arah memartabatkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing di pentas antarabangsa. Integriti merupakan prasyarat dan landasan yang utama untuk sesebuah negara mencapai kemajuan dan mempertingkatkan daya saing, maka usaha dan gerakan pemantapan nilai-nilai murni, etika dan integriti menjadi fokus dan keutamaan negara. Dalam memastikan kelancaran pembangunan negara dan menjadikan Malaysia mencapai status negara maju, usaha mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi, berdaya tahan dan mengamalkan nilai murni sejagat amat perlu supaya tahap pemikiran minda kelas pertama dapat dibentuk. Tuntutan rakyat terhadap pengurusan governans dan berintegriti harus dijadikan prinsip utama dalam mewujudkan negara berstatus kelas pertama serta bagi memenuhi aspirasi rakyat.

1.1 LATAR BELAKANG SME BANK

Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) yang diperbadankan pada 2005 merupakan salah satu daripada Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) yang tertakluk kepada Akta DFI 2002 (DFIA) dan dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc). SME Bank dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC).

1.2 OBJEKTIF

SME Bank komited dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan menyediakan bukan sahaja bantuan pembiayaan, tetapi juga kepakaran pembangunan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang membolehkan industri tersebut meningkat maju dan berkembang.

SME Bank memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif ekonomi dan pembangunan Kerajaan Malaysia seperti Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) (2010-2020) dan Rangka Tindakan Sektor Kewangan (2011-2020).

Selama sedekad yang lalu, SME Bank telah berkembang dengan pesat dalam operasi dan juga pembangunan modal insan yang disampaikan melalui Pelan Transformasi Lima Tahun yang strategik. Melangkah ke hadapan, SME Bank berhasrat untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan niaga kewangan pilihan bagi PKS.

1.3 VISI

PENERAJU DALAM PENCIPTAAN NILAI EKOSISTEM PKS YANG MELANGKAUI PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN

(LEADER IN SME ECOSYSTEM VALUE CREATION BEYOND FINANCIAL SERVICES)

1.4 MISI

MENJADI PUSAT KECEMERLANGAN BAGI MEMACU AGENDA PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGARA

(TO BE THE CENTRE OF EXCELLENCE (COE) FOR SME DEVELOPMENT)

1.5 NILAI TERAS ORGANISASI

SME Bank sentiasa melakukan yang terbaik dengan menerapkan nilai-nilai korporat SME Bank iaitu Kerja Berpasukan dan Berintegriti (*Strong Teamwork and Integrity*); Pengurusan Berhemah Pihak Berkepentingan (*Managing Stakeholders*); Inovasi Melalui Teknologi (*Innovation via Technology*); Kepimpinan dan Pembangunan (*Leadership and Growth*); dan Kecekapan dan Produktiviti (*Efficiency and Productivity*) dan diringkaskan sebagai “S.M.I.L.E.”

6.0 KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pelan-pelan tindakan yang diajukan diatas perlu melalui proses pemantauan dan penilaian oleh pihak yang berkenaan.

6.1 JAWATANKUASA PENERAJU / “Task Force”

Pelan-pelan tindakan yang diajukan akan dipantau oleh Jabatan Integriti dan Governans dan akan dimajukan kepada Jawatankuasa Peneraju secara bulanan. Jawatankuasa Peneraju dianggotai oleh wakil daripada Jabatan “Operational Risks Management”, Jabatan “Regulatory & Governance”, Jabatan “Surveillance & Supervisions”, Jabatan “Strategic Audit”, Jabatan “Organisation Method & Quality Improvement”, Jabatan “Learning Capability Development” dan Jabatan “Integrity & Governance”.

Jawatankuasa Peneraju berperanan untuk memantau dan menilai status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah SME Bank OACP, mendapatkan penjelasan daripada pelaksanaan pelan tindakan, mengenalpasti penyelesaian terbaik selari dengan kepentingan SME Bank.

6.2 JAWATANKUASA “Program Steering Committee” (PSC)

Jawatankuasa PSC ditubuhkan sebelum Analisa Risiko Rasuah dilaksanakan di SME Bank. Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa PSC dan akan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli-ahli Jawatankuasa PSC pula dilantik daripada kalangan ketua-ketua jabatan berkaitan.

Laporan daripada Jawatankuasa Peneraju akan dimajukan kepada Jawatankuasa PSC. Mesyuarat PSC perlu diadakan setiap dua bulan sekali dan di dalam mesyuarat tersebut, status pelaksanaan dan segala permasalahan yang timbul yang melibatkan antara jabatan akan dibincangkan dan diselesaikan.

		Menambahbaik Pakatan Integriti berbandukan kepada Pakatan Integriti Kementerian Kewangan	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2021
		Memastikan kakitangan di IGD mencukupi untuk melaksanakan inisiatif yang telah dirancang	Jabatan Integriti dan Governans	Januari 2022 - Disember 2022
		Melengkapkan kakitangan IGD dengan pengetahuan yang cukup mengenai integriti dan governans	Jabatan Integriti dan Governans	Januari 2022 - Disember 2022
		Pelaksanaan latihan dan kesedaran yang relevan (seksyen 17A, Akta SPRM, ISO 37001)	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2022
		Penambahbaikkan SOP dengan menambahkan pengisytiharan hubungan antara juruaudit dan kakitangan yang diaudit	Jabatan Siasatan Audit & Governans	Ogos 2021 - Disember 2021
	Mengubah penemuan audit			
16	Auditor/pegawai penyiasat menerima rasuah untuk kepentingan peribadi			

Dengan nilai-nilai korporat yang dikaji semula ini, SME Bank mengesahkan kekukuhan perniagaan SME Bank, strategi untuk pertumbuhan berterusan dan kemampunan jangka panjang dan kualiti kepimpinan perkhidmatan SME Bank.

Keputusan prestasi SME Bank adalah hasil komitmen lebih daripada 1,000 pekerja yang tanpa jemu berusaha mencapai matlamat strategik Bank dan paling utama, menerapkan nilai-nilai korporat SME Bank.

KERJA BERPASUKAN DAN BERINTEGRITI adalah yang teratas dalam senarai nilai korporat SME Bank. SME Bank percaya bahawa tanpa pekerja, tiada satu pun hasil yang dihasratkan ini akan tercapai. SME Bank komited untuk menjalankan perniagaan dan operasi dengan penuh beretika dengan mengekalkan budaya etika yang tinggi. SME Bank berinspirasi untuk membentuk sebuah institusi kewangan dan perniagaan yang bertanggungjawab dengan mewujudkan nilai-nilai murni dalam menjalankan perniagaan.

PENGURUSAN BERHEMAH PIHAK BERKEPENTINGAN adalah penting bagi SME Bank lantaran kerana merekalah SME Bank wujud. Dengan mengutamakan pihak berkepentingan, SME Bank secara berterusan mencari jalan untuk berinovasi. Tidak dinafikan bahawa teknologi adalah cara paling berkesan untuk mencapainya.

Nilai INOVASI MELALUI TEKNOLOGI telah membawa SME Bank memperkenalkan cara-cara baharu menjalankan perniagaan yang memberi manfaat kepada para pelanggan. Penerapan nilai korporat ketiga ini telah membuahkan hasil, dengan SME Bank mengukuhkan kedudukannya sebagai DFI terkemuka negara.

Seiring dengan inovasi, nilai **KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN** merupakan nilai yang terkandung dalam setiap keputusan yang diambil. SME Bank sedar untuk menjadi sesebuah organisasi yang maju, ianya mestilah bergerak seiring bersama para pelanggannya

untuk sama-sama menyumbang kepada ekonomi negara. Ini sangatlah penting bagi memastikan SME Bank tidak tersasar dari landasan untuk terus beroperasi secara cekap dan produktif. Oleh itu SME Bank akan berpegang teguh kepada nilai terakhir yang sama pentingnya, iaitu **KECEKAPAN DAN PRODUKTIVITI**. Ia adalah komitmen yang membolehkan SME Bank terus menjadi DFI pilihan PKS disebalik persekitaran perniagaan yang tidak menentu.

1.6 DASAR INTEGRITI DAN GOVERNANS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasannya telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2015 dan akhir sekali ialah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020-2024.

1.7 INISIATIF-INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DAN GOVERNANS YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN SME BANK

i. *Corporate Integrity Pledge (CIP)*



		kerja" untuk kepentingan peribadi	Menghantar laporan "perintah kerja" kepada Ketua Pegawai Operasi setiap bulan	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Disember 2021
13	Komplot di antara pemohon dan pegawai yang memproses (RM) - Luaran	Mengubah dokumen/maklumat pemohon sebagai balasan untuk kepentingan peribadi	Menyertakan pengisytiharan "Konflik Kepentingan" pada dokumen	Jabatan Perniagaan	Ogos 2021 - Oktober 2021
14	Pegawai penyiasat menerima rasuah untuk keuntungan/faedah peribadi kedua-dua pihak	Mengganggu bukti untuk mengelakkan disabit kesalahan atau hukuman	Penyiasatan harus dilakukan oleh 2 penyiasat tetapi tidak lebih dari 3 untuk melindungi kerahsiaan	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2021
15	Krisis integriti (iaitu governans yang tidak efektif, rasuah) kerana kegagalan IGD dalam merancang/menyediakan rancangan perniagaan yang berkesan	Pelan perniagaan/program/aktiviti yang dijalankan oleh IGD tidak membawa objektif iaitu mencegah peluang rasuah	Membangunkan penilaian integriti SME Bank untuk menilai kekuatan dan kelemahan integriti dalam membentuk governans terbaik	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2022
			Menilai tahap integriti kakitangan di jabatan berisiko tinggi melalui Profil Staf / Profil Integriti Individu (IIP)	Jabatan Integriti dan Governans	Januari 2022 - Disember 2022
			Menyemak & meningkatkan dasar & prosedur berkaitan integriti	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2021
			Memasukkan elemen integriti dan governans dalam program latihan induksi yang dijalankan oleh GHCD	Jabatan Integriti dan Governans	Ogos 2021 - Disember 2021

10	Manipulasi dalaman pada kelemahan proses perolehan untuk mendapatkan imbuhan dari pihak berkepentingan	Manipulasi spesifikasi dalam sebut harga dan tender	Menyemak/memperbaiki format "Request for Quotation" (RFQ) & "Request for Proposal" (RFP)	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - September 2021
		Projek yang diselesaikan tidak mengikut spesifikasi tender/sebut harga	Kelulusan "Variation Order" (VO) yang melebihi 10% hendaklah melalui pihak berkuasa kelulusan asal	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Disember 2021
			Mengukuhkan prosedur perolehan iaitu penilaian fizikal projek bernilai lebih dari RM35k hendaklah dilakukan secara berkala bagi tujuan tinjauan prestasi tahunan vendor	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Oktober 2021
11	Peluang rasuah oleh kakitangan yang terlahu mahir dengan sistem dan proses	Manipulasi sistem/prosedur untuk kepentingan peribadi	Memperkenalkan pusingan kerja kepada kakitangan yang berkenaan	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Oktober 2021
12	Manipulasi di antara kakitangan dan pihak luar	Manipulasi dalam pelaporan perkhidmatan, penghantaran barang dan lain-lain untuk mendapatkan kelebihan/keuntungan peribadi	Memasukkan pernyataan kebertanggungjawaban dalam "Delivery Order" (DO) barang yang diterima	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Oktober 2021
			Menambahbaik proses pengesahan untuk projek/perkhidmatan yang telah siap	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Disember 2021
		Manipulasi dalam pelantikan kontraktor melalui pesanan	Mengadakan kelulusan bersama untuk meluluskan perintah kerja/ "Work Order"	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Disember 2021

- ii. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
- iii. Organisation Anti-Corruption Plan (OACP)
- iv. Anti-Bribery Management Systems (ABMS)



 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1.8 ISU DAN CABARAN

Laporan Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index* atau CPI) tahun 2020 yang dikeluarkan oleh *Transparency International Malaysia* menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 negara berbanding tangga ke-51 pada tahun 2019. Indeks ini memfokuskan elemen rasuah dalam sektor awam dan ahli politik dengan melihat kepada penyalahgunaan kemudahan awam untuk kepentingan atau keuntungan peribadi. Malaysia juga mencatat skor 51 daripada 100 berbanding skor 53 pada 2019, berdasarkan tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara dengan mengikut skala 0 (paling korup) hingga 100 (paling bersih).

Kedudukan Malaysia menurun berikutan pembaharuan institusi terhenti dan terdapat beberapa kes berprofil tinggi yang dilepas tanpa dibebaskan mereka yang didakwa. Sebab lain termasuk akses terhad kepada maklumat mengenai perkara kepentingan awam, skandal daging tidak halal, kes penyalahgunaan kuasa dan rasuah oleh penjawat awam yang berterusan, perkembangan atau kemas kini kes berprofil tinggi yang terhad dan kerajaan masih belum membentangkan Rang Undang-Undang Perolehan Awam.

Secara ringkas dan persepsinya, kejatuhan kedudukan dan skor ini sememangnya memberi tanggapan kegiatan rasuah semakin serius di negara ini.

Mengambil kira fenomena – fenomena rasuah diperingkat negara, SME Bank perlu mengorak langkah meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan bahawa perkhidmatan SME Bank dibarisi oleh kakitangan yang berintegriti.

BIL	RISIKO/POTENSI RISIKO	PUNCA RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
9	Komplot di antara kakitangan dan pihak luar mengenai sebarang proses perolehan	Salah guna kuasa oleh pemilik projek dalam menentukan vendor pilihan semasa proses perolehan. Kemungkinan pemilik projek menjadi dominan/majoriti dalam membuat keputusan adalah tinggi kerana tiada nisbah khusus pada jumlah panel yang menilai Pendedahan maklumat sulit kepada pihak berkepentingan sebagai ganti imbuhan tertentu Mempunyai hubungan dengan vendor/pihak luar (Konflik kepentingan)	Menambahbaik/mengukuhkan jumlah panel penilai teknikal kepada nisbah 50% bebas dan 50% pemilik proses perolehan Mewujudkan kod etika/piagam perolehan untuk dipaparkan kepada panel penilai ketika proses perolehan berlangsung Melaksanakan sistem perolehan automatik yang membolehkan semakan secara automatik bagi mencegah risiko berlakunya konflik kepentingan Menguatkuasa Pakatan Integriti di dalam proses perolehan perjanjian bertulis di antara SME Bank dan rakan niaga	Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - September 2021 Ogos 2021 - September 2021 Mac 2021 - Disember 2021 Ogos 2021 - Oktober 2021

2	Manipulasi dalam pada kelemahan proses perolehan untuk mendapatkan imbuhan dari pihak berkepentingan	Manipulasi spesifikasi dalam sebut harga dan tender	Menyemak/memperbaiki format "Request for Quotation" (RFQ) & "Request for Proposal" (RFP)	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - September 2021
		Projek yang diselesaikan tidak mengikut spesifikasi tender/sebut harga	Kelulusan "Variation Order" (VO) yang melebihi 10% hendaklah melalui pihak berkuasa kelulusan asal	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Disember 2021
3	Peluang rasuah oleh kakitangan yang terlalu mahir dengan sistem dan proses	Manipulasi sistem/prosedur untuk kepentingan peribadi	Mengukuhkan prosedur perolehan iaitu penilaian fizikal projek bernilai lebih dari RM35k hendaklah dilakukan secara berkala bagi tujuan prestasi tahunan vendor	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Oktober 2021
4	Manipulasi di antara kakitangan dan pihak luar	Manipulasi dalam pelaporan perkhidmatan, penghantaran barang dan lain-lain untuk mendapatkan kelebihan/keuntungan peribadi	Memperkenalkan pusingan kerja kepada kakitangan yang berkenaan	Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - Oktober 2021
		Manipulasi dalam pelaporan perkhidmatan, penghantaran barang dan lain-lain untuk mendapatkan kelebihan/keuntungan peribadi	Memasukkan pernyataan keberterangjawabab dalam "Delivery Order" (DO) barang yang diterima	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Oktober 2021
		Manipulasi dalam pelantikan kontraktor melalui pesanan	Menambahbaik proses pengesahan untuk projek/perkhidmatan yang telah siap	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Disember 2021
			Mengadakan kelulusan bersama untuk meluluskan perintah kerja/ "Work Order"	Jabatan Pengurusan Fasiliti	Ogos 2021 - Disember 2021

2. Kutipan data primer dari Bengkel *Corruption Risk Assessment (CRA)*

Bengkel CRA merupakan langkah awal yang telah dilaksanakan untuk kutipan data primer oleh SME Bank. CRA melibatkan pegawai-pegawai SME Bank dari semua jabatan yang berkenaan.

3. Analisis persekitaran dan penilaian risiko melalui data CRA

Analisis telah dijalankan melalui kaedah yang dibangunkan hasil daripada bengkel CRA yang telah mengenal pasti punca dan isu dalam organisasi yang menjurus ke arah keterlibatan terhadap perlakuan rasuah, salah laku integriti, kelemahan governans, ketidakpatuhan dalam governans, ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dan etika dalam pelaksanaan tugas yang membawa kepada pelanggaran integriti dan salah guna kuasa.


1.12 PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH SME BANK

Pembangunan OACP melibatkan beberapa proses utama yang harus dilalui oleh sesebuah organisasi. Antara proses-proses yang terlibat adalah

- Kelulusan pelaksanaan daripada pihak pengurusan kanan;
- Melaksanakan penilaian risiko rasuah/“*Corruption Risk Assessment*” (CRA);
- Analisa data;
- Perancangan senario;
- Pembangunan pelan tindakan;
- Kelulusan hasil daripada pihak pengurusan kanan; dan
- Hebahan kepada semua pekerja.

Jabatan Integriti & Governans telah membentangkan pelan strategik integriti yang melibatkan pembangunan Sistem Pengurusan

Anti-Rasuah/ “Anti-Bribery Management Systems” (ABMS), OACP dan CRA kepada Pihak Pengurusan Kanan / ‘Executive Committee’ (EXCO) pada 25 Ogos 2020 dan diluluskan oleh EXCO. Pelan strategik integriti juga dibentangkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko / “Board Risk Management Committee” (BRMC) pada 22 September 2020 untuk makluman.



Untuk menyediakan dokumen OACP ini, SME Bank telah mengadakan Bengkel CRA pada 25 November 2020 sehingga 16 Februari 2021 yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di SME Bank bagi mengenalpasti risiko-risiko rasuah yang mungkin boleh berlaku di jabatan masing-masing. Hasil penilaian telah dibentangkan kepada EXCO, BRMC dan pihak Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pembangunan OACP pula disertai oleh “Compliance & Risk Liaison Officer” (CRLO). Beberapa siri bengkel telah dilaksanakan untuk melengkapkan analisa data, perancangan senario, membangunkan pelan tindakan serta pemurnian OACP seperti berikut:

- i. Taklimat Pembangunan dan Penggubalan SME Bank OACP telah diadakan pada 4 Januari 2021;
- ii. Bengkel Analisis Data diadakan pada 23 dan 24 Mac 2021 - untuk membangunkan Pengkalan Data Risiko berteraskan governans, integriti dan antirasuah.

5.0 PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIL	RISIKO/POTENSI RISIKO	PUNCA RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PELAKSANA	TEPOH MASA
1	Komplot di antara kakitangan dan pihak luar mengenai sebarang proses perolehan.	Salahgunakan kuasa oleh pemilik projek dalam menentukan vendor pilihan semasa proses perolehan. Kemungkinan pemilik projek menjadi dominan/majoriti dalam membuat keputusan adalah tinggi kerana tiada nisbah khusus pada jumlah panel yang menilai. Pendedahan maklumat sulit kepada pihak berkepentingan sebagai ganti imbuhan tertentu Hubungan atau orang yang dikenali (Konflik Kepentingan)	Menambahbaik/mengukuhkan jumlah panel penilai teknikal kepada nisbah 50% bebas dan 50% pemilik proses. Mewujudkan kod etika/piagam perolehan untuk dipaparkan kepada panel penilai ketika proses perolehan berlangsung. Melaksanakan sistem perolehan automatik yang membolehkan semakan secara automatik bagi mencegah risiko percanggahan kepentingan. Menguatkuasa Pakatan Integriti di dalam proses perolehan (perjanjian bertulis di antara SME Bank dan rakan niaga)	Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan Jabatan Perolehan	Ogos 2021 - September 2021 Ogos 2021 - September 2021 Mac 2021 - Disember 2021 Ogos 2021 - Oktober 2021

BIDANG KEUTAMAAN GOVERNANS

Menguatkan pentadbiran proses penyedia perkhidmatan luar	Penambahbaikan SOP dengan menambahkan pengisytiharan hubungan antara juruaudit dan kakitangan yang diaudit
	Menambahbaik Pakatan Integriti berdasarkan kepada Pakatan Integriti Kementerian Kewangan
	Memastikan kakitangan di IGD mencukupi untuk melaksanakan inisiatif yang dirancang
	Melengkapkan kakitangan IGD dengan pengetahuan yang mencukupi mengenai integriti dan pemerintahan yang baik
	Pelaksanaan latihan dan kesedaran yang relevan (seksyen 17A, Akta SPRM, ISO 37001, <i>Whistleblowing</i> , <i>No Gift Policy</i> dan lain-lain)



- iii. Bengkel Perancangan Senario telah diadakan pada 5-6 April 2021, untuk mengenalpasti risiko berkaitan sebelum dimasukkan ke dalam kerangka pendaftaran risiko.
- iv. Bengkel Pemurnian SME Bank OACP telah diadakan pada 8 April 2021.

SME Bank OACP ini seterusnya dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi pada 8 Julai 2021 dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Julai 2021.

2.0 PENILAIAN RISIKO RASUAH

CRA merupakan satu alat pengurusan risiko (*Risk Management Tool*) yang boleh membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan governans terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Tujuan CRA adalah untuk menutup ruang dan peluang rasuah dalam pelaksanaan aktiviti utama SME Bank supaya objektif organisasi tercapai secara optimum. Selain itu, CRA juga dapat membantu SME Bank untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah yang telah berlaku, sedang berlaku atau mungkin akan berlaku di dalam SME Bank.

SME Bank telah mengadakan bengkel CRA yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di SME Bank bagi mengenalpasti risiko-risiko rasuah yang mungkin boleh berlaku di jabatan masing-masing.

Mengenal pasti aktiviti

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen perlu menyenaraikan aktiviti yang terlibat di dalam operasi dengan menggunakan format Daftar Risiko SME Bank. Ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti serta fungsi yang akan terlibat atau mempunyai peluang dan risiko dalam operasi harian di bahagian / jabatan / seksyen masing-masing

Mengenal pasti risiko

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen perlu berbincang secara kumpulan untuk mengenal pasti peluang dan risiko yang terlibat dan merekodkan di dalam Daftar Risiko. Peluang dan risiko yang terlibat perlu dikenal pasti mengikut aktiviti dan fungsi yang telah disenaraikan. Peluang dan risiko boleh dikenal pasti di dalam konteks organisasi dan keperluan daripada stakeholder.

Mengenal pasti punca dan impak risiko

- Dari senarai peluang dan risiko yang terlibat, setiap bahagian / jabatan / seksyen akan berbincang untuk mengenal pasti punca dan impak risiko yang mungkin berlaku sekiranya risiko tersebut benar-benar berlaku. Risiko yang mempunyai impak ketara pada organisasi haruslah diteliti dan diberi fokus utama dalam pelan kawalan risiko dan dipantau dari masa ke semasa.

Menganalisa risiko

- Analisa risiko haruslah dilakukan untuk mengenal pasti sama ada risiko tersebut telah mempunyai kawalan sedia ada atau sebaliknya. Bagi risiko-risiko yang tiada kawalan sedia ada, pelan tindakan haruslah diwujudkan. Lanya adalah sebahagian daripada rawatan risiko bagi memastikan risiko yang terjadi dapat dikawal.

Penilaian risiko

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen akan menilai dan membezakan tahap risiko berdasarkan Matriks Risiko SME Bank. Sebelum bahagian / jabatan / seksyen membuat penilaian tahap risiko daripada aktiviti atau fungsi yang terlibat, bahagian / jabatan / seksyen haruslah memahami kebarangkalian risiko terbabit, impak risiko dan penarafan risiko.

Rawatan risiko dan pemantauan

- Tindakan kawalan haruslah dilakukan oleh setiap bahagian / jabatan / seksyen bagi risiko yang lebih dari sederhana. Risiko yang tinggi perlu diutamakan berbanding risiko yang lebih rendah. Tindakan kawalan yang dicadangkan perlu mengambil kira tindakan untuk menghapuskan punca risiko.

BIDANG KEUTAMAAN PENTADBIRAN

Menguukuhkan pentadbiran perkhidmatan dalaman.

Memasukkan pernyataan kebertanggungjawaban dalam "Delivery Order" (DO) barang yang diterima

Menambahbaik proses yang berkaitan dengan pengesahan setelah selesai projek / perkhidmatan

Membentuk proses kelulusan bersama untuk meluluskan perintah kerja/"Work Order"

Melaksanakan pelaporan perintah kerja/"Work Order" kepada Ketua Pegawai Operasi secara bulanan.

BIDANG KEUTAMAAN OPERASI

Meningkatkan kebolehpercayaan pihak luar terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Menyertakan pengisytiharan "Konflik Kepentingan" dalam dokumen

Memperkenalkan pusingan kerja kepada kakitangan yang berkaitan.

BIDANG KEUTAMAAN INTEGRITI

Meningkatkan tahap integriti dan etika pekerja dalam melaksanakan tugas

Penyiasatan harus dilakukan oleh 2 orang penyiasat tetapi tidak lebih dari 3 orang untuk melindungi kerahsiaan

Membangunkan alat penilaian integriti SME Bank untuk menilai kekuatan dan kelemahan integriti dalam membina integriti dan governans yang baik

Menilai kakitangan di jabatan berisiko tinggi melalui Profil Staf / Profil Integriti Individu (IIP)

Menyemak & meningkatkan dasar & prosedur berkaitan integriti

Memasukkan elemen integriti dan *human governance* dalam program latihan induksi yang dijalankan oleh GHCD

4.5 BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI

Bagi menangani masalah yang boleh berlaku di dalam 5 bidang keutamaan, SME Bank telah menetapkan 5 strategi iaitu:

- i. Meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam proses perolehan;
- ii. Mengukuhkan pentadbiran perkhidmatan dalaman;
- iii. Meningkatkan kebolehpercayaan pihak luar terhadap perkhidmatan yang diberikan;
- iv. Meningkatkan tahap integriti dan etika pekerja dalam melaksanakan tugas; dan
- v. Mengukuhkan amalan governans yang baik.

Berdasarkan 5 strategi yang dikenalpasti, beberapa inisiatif telah dirangka di bawah bidang keutamaan yang ditetapkan seperti berikut:

BIDANG KEUTAMAAN PEROLEHAN

Meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam proses perolehan	Menambahbaik/mengukuhkan komposisi panel penilaian teknikal kepada nisbah 50% bebas dan 50% pemilik proses.
	Mewujudkan kod etika/piagam perolehan dan dipaparkan kepada kepada panel penilai ketika proses perolehan berlangsung.
	Melaksanakan sistem perolehan automatik yang membolehkan semakan secara automatik bagi mencegah risiko percanggahan kepentingan.
	Menguatkuasakan Pakatan Integriti dalam proses perolehan (ikatan bertulis antara SME Bank dan rakan niaga)
	Menyemak / meningkatkan format standard "Request for Quotation" (RFQ) & "Request for Proposal" (RFP)
	Mengukuhkan kelulusan "Variation Order" (VO) yang melebihi 10% perlu melalui pihak berkuasa kelulusan asal.
Mengukuhkan prosedur perolehan dan memasukkan penilaian fizikal projek bernilai lebih dari RM35k secara berkala untuk tujuan tinjauan prestasi tahunan vendor.	
Memperkenalkan pusingan kerja kepada kakitangan yang berkaitan.	

Hasil daripada bengkel CRA yang dilaksanakan, terdapat 160 risiko yang telah dikenalpasti iaitu 4 risiko tinggi, 35 risiko sederhana dan 121 risiko rendah. Berdasarkan kawalan sedia ada yang telah dilaksanakan, risiko-risiko tersebut dapat dikurangkan kepada 5 risiko sederhana dan 155 risiko rendah. Kawalan sedia ada ini juga diwujudkan bagi memenuhi kehendak BNM, MOF dan lain lain pemegang taruh serta badan pengawal selia. Hasil dapatan CRA telah telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2021.

3.0 KUPASAN DATA

3.1 DAPATAN YANG DIKUMPUL

Proses analisa data dihadiri oleh CRLO daripada semua bahagian (termasuk cawangan) di dalam SME Bank. Penglibatan CRLO dalam melaksanakan OACP adalah satu langkah proaktif bagi membolehkan proses-proses penyediaan OACP dilakukan dengan lebih menyeluruh. Semua CRLO telah berkongsi data-data berkaitan rasuah, integriti dan governans yang berlaku di bahagian/ cawangan masing-masing.

3.2 ANALISIS DATA

Maklumat-maklumat yang dikumpul untuk dianalisa perlu diperhalusi atau diasingkan dahulu sebelum proses analisa dilakukan. Maklumat data yang tidak betul, tidak lengkap, tidak relevan atau maklumat berulang akan dikeluarkan daripada data analisa. Hanya data akhir yang akan dianalisa.

Bagi menghasilkan Pelan Antirasuah, SME Bank telah mengadakan bengkel analisa data bermula pada 8 Februari 2021 bersama-sama dengan CRLO. Laporan-laporan dalaman dikumpulkan bersama-sama dengan hasil dapatan CRA bagi dijadikan sebagai sumber dalaman utama. Sumber luaran pula adalah statistik daripada SPRM sahaja kerana butiran kes yang dirujuk kepada SPRM tidak dapat didedahkan

oleh SPRM. SME Bank turut menggunakan maklumat kes rasuah, integriti dan governans dalam industri bagi membuat perancangan senario. Ringkasan analisa data adalah seperti berikut

- a) Hasil dapatan CRA
Berdasarkan kepada hasil CRA yang telah dijalankan, SME Bank dikategorikan sebagai organisasi yang berisiko rendah. Walaupun risiko kasar SME Bank berada pada tahap tinggi iaitu 4 risiko tinggi, 35 risiko sederhana dan 121 risiko rendah, risiko ini dapat dikurangkan dengan kawalan sedia ada yang kukuh dan ini menyumbang kepada kebarangkalian berlaku menjadi rendah. Hanya 5 risiko sederhana dan 155 risiko rendah direkodkan di SME Bank.
- b) Laporan-laporan daripada Jabatan Integriti dan Governans turut digunakan untuk mengukur tahap integriti, governans serta rasuah di SME Bank. Berdasarkan kepada laporan saluran pemberi maklumat/ *"Whistleblowing"*, terdapat 7 kes dilaporkan dan seterusnya dianalisa untuk kegunaan SME Bank OACP ini.
- c) Laporan-laporan daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan, data-data daripada laporan tatatertib turut digunakan dalam membangunkan SME Bank OACP ini. Terdapat 37 kes direkodkan di dalam laporan tatatertib pada tahun 2020.
- d) Laporan-laporan daripada Jabatan Audit Dalaman
Hasil laporan audit turut di gunakan dalam pembentukan SME Bank OACP. Data-data daripada laporan audit sangat berguna kerana statistik kesalahan yang telah dilakukan dapat diukur dan dijadikan sebagai asas kepada penilaian tahap integriti, rasuah dan governans di SME Bank.
- e) Laporan-laporan daripada Jabatan Pengurusan Risiko
Pihak Jabatan Pengurusan Risiko turut merekodkan insiden yang berlaku di dalam SME Bank menerusi *"Incident Management*

4.2 VISI OACP

Selaras dengan visi SME Bank untuk menjadi peneraju dalam penciptaan nilai ekosistem PKS yang melangkaui perkhidmatan pembiayaan, SME Bank sentiasa menerapkan nilai integriti, governans yang yang baik dan antirasuah dalam kalangan pekerja, pelanggan, pemegang taruh, badan pengawal selia dan lain-lain.

Visi SME Bank OACP adalah untuk menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah, berintegriti tinggi dan membudayakan governans yang baik.

4.3 MISI OACP

Bagi menjayakan misi SME Bank iaitu menjadi pusat kecemerlangan bagi memacu agenda pembangunan usahawan negara, pihak pengurusan telah menetapkan misi OACP selaras dengan misi SME Bank.

Misi SME Bank OACP adalah untuk membantu usahawan membangun dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik menerusi proses pembiayaan dan bimbingan berteraskan integriti, governans yang baik dan pencegahan rasuah.

4.4 SASARAN / MATLAMAT OACP

SME Bank OACP menfokuskan kepada 3 sasaran / matlamat iaitu:

- i. Menanamkan budaya berintegriti tinggi;
- ii. Meningkatkan ketelusan & kebertanggungjawaban kepada semua pihak berkepentingan; dan
- iii. Meningkatkan kebolehpercayaan, ketersediaan & responsif dalam penyampaian perkhidmatan.

4.1 HALA TUJU OACP

VISI	Persekitaran korporat yang bebas rasuah, berintegriti tinggi, tingkah laku beretika dan amalan governans yang baik				
MISI	Menyediakan aktiviti pembiayaan & sokongan di SME Bank yang mematuhi keperluan integriti, governans & antirasuah		Untuk menerapkan standard integriti, tingkah laku etika dan governans yang baik dalam urusan perniagaan.		
MATLAMAT	Menanamkan budaya berintegriti tinggi	Meningkatkan ketelusan & kebertanggungjawaban kepada semua pihak berkepentingan	Meningkatkan kebolehpercayaan, ketersediaan & responsif dalam penyampaian perkhidmatan		
BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN	PENTADBIRAN	OPERASI	INTEGRITI	GOVERNANS
STRATEGI	Meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam proses perolehan	Mengukuhkan pentadbiran perkhidmatan dalam	Meningkatkan kebolehpercayaan pihak luar terhadap perkhidmatan yang diberikan	Meningkatkan tahap integriti dan etika pekerja dalam melaksanakan tugas	Mengukuhkan amalan governans yang baik

- f) Perancangan senario
 Bagi memastikan penilaian secara menyeluruh dan inklusif, SME Bank turut melaksanakan bengkel perancangan senario bagi membolehkan isu-isu berkaitan rasuah, integriti dan governans dapat dikenalpasti dan dijadikan sebagai data untuk membangunkan SME Bank OACP.



3.3 RUMUSAN DAN BIDANG KEUTAMAAN

Berdasarkan kepada kupasan data yang telah dilaksanakan, SME Bank telah membangunkan pelan tindakan yang mana telah mengeluarkan 22 inisiatif daripada 5 strategi utama di bawah 5 bidang keutamaan seperti berikut:

- BIDANG KEUTAMAAN

- PEROLEHAN

- PENTADBIRAN

- OPERASI

- INTEGRITI

- GOVERNANS



4.0 KERANGKA OACP



BIL	BIDANG KEUTAMAAN	PELAN TINDAKAN/INISIATIF
1	Perolehan	7
2	Pentadbiran	4
3	Operasi	1
4	Integriti	5
5	Governans	5

